

Tun Datu Mustapha Timbalan Pengerusi **Umno ke Sabah** **membela rakyat**

Oleh LICHONG ANGKUI, AFANDI
ISMAIL dan ROSLI ABDUL JALIL

Gambar oleh
NOOR AZMI MAT NOOR

KOTA KINABALU, Khamis — Umno dengan rasminya bertapak di Sabah pada jam 2.40 petang ini, apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pelancarannya dan serentak itu melantik Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai Timbalan Pengerusi Umno Sabah.

Tiga paluan gong, nyanyian lagu Umno dan upacara menaikkan bendera parti memeriahkan suasana majlis pelancaran. Sebaik saja Presiden Umno menamatkan ucapannya, kain-kain rentang yang mengalukan kedatangan Umno ke Sabah dikibarkan di sekeliling dewan persidangan.

"Umno Sabah akan dipimpin oleh orang Sabah kerana kedatangan Umno ke negeri ini bukan untuk menjajah, tetapi bagi menjamin kekayaan negeri ini dinikmati dengan adil oleh semua penduduknya," tegas Datuk Seri Dr Mahathir yang diikuti dengan tepukan gemuruh lebih 5,000 perwakilan Usno yang memenuhi dewan persidangan.

Pada majlis itu Datuk Seri Dr Mahathir menerima 50,000 borang permohonan keahlian Umno daripada 48 ketua bahagian Usno di seluruh Sabah.

Dalam ucapannya selama kira-kira satu jam 20 minit, Presiden Umno berkata, sele-

BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 2

pas segala proses pendaftaran ahli dan penubuhan cawangan dan bahagian selesai, pentadbiran Umno Sabah akan diserahkan sepenuhnya kepada orang Sabah.

"Kita sama sekali tidak berniat membolot kuasa dan kekayaan di negeri ini, sebaliknya mahu menyatukan rakyat Bumiputera di Sabah bagi membentuk sebuah kerajaan negeri yang bertanggungjawab kepada rakyat.

"Kekuatan Umno terletak kepada perpaduan ahlinya, oleh itu Umno Sabah mestilah membuka pintunya kepada semua kaum Bumiputera dan bersedia menerima musuh dan kawan menyertainya," katanya di majlis pelancaran bersama Umno Sabah dan Perhimpunan Agung Usno ke-23.

Presiden Umno selanjutnya menerangkan, Umno dan orang Melayu sudah banyak berkorban untuk perpaduan. Katanya, Umno bergabung dengan MCA dan MIC dalam Perikatan memerintah negara ini walaupun Umno boleh membentuk kerajaan tanpa kedua-dua parti itu.

"Ketika Malaysia dibentuk, orang Melayu sanggup mengorbankan nama Persekutuan Tanah Melayu dan Melayu Raya, sebaliknya menerima nama Malaysia kerana nama ini melambangkan perpaduan segala bangsa yang menjadi rakyat negara ini.

"Oleh itu tidak ada alasan mengapa ahli Usno perlu bersedih untuk meninggalkan Usno dan menyertai Umno. Saya berharap saudara sekalian akan mengikuti jejak langkah Tun Datu Mustapha yang sudah

LIHAT MUKA 2

Peluang rakyat Sabah tadbir negara

BH 20 FEB 1991

DARI MUKA 1 ✕

pun menyertai Umno," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dengan menyertai Umno orang Sabah berpeluang membabitkan diri dengan lebih aktif dalam pentadbiran negara dan menjadi Perdana Menteri Malaysia suatu hari nanti.

Bagaimanapun, katanya, untuk menjadi Perdana Menteri, seseorang itu mestilah bersikap sebagai seorang rakyat Malaysia kerana undi dari Sabah saja belum cukup untuk memenangi kerusi Presiden Umno.

"Jangan jadi seperti pemimpin Semangat 46 yang mengharapkan undi dari Kelantan saja untuk menjadi Perdana Menteri, kerana orang di negeri lain tidak akan mengundi dia. Kalau saya mengharapkan undi dari Kedah saja, saya boleh mendapat 100 peratus, tetapi undi dari negeri Kedah kecil saja dan saya perlu undi dari negeri-negeri lain.

"Kita tidak akan melantik orang Semenanjung untuk membentuk dan memimpin Umno di Sabah buat selamalamanya tetapi hanya pada masa penubuhannya kerana banyak urusan dibuat untuk menyusun parti ini di peringkat bahagian dan cawangan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berdasarkan kepada inilah, Umno Pusat melantik Timbalan Presidennya, Encik Ghafar Baba, sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Negeri buat sementara waktu bagi memudah dan melicinkan lagi penubuhan parti itu di negeri ini.

Beliau yakin Tun Mustapha yang mengasaskan Usno dan mengharungi liku-liku perjuangan politiknya selama ini akan mengabdikan dirinya kepada Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Usno mesti dikekalkan sama seperti Parti Perikatan di Semenanjung yang kini terus kekal supaya tidak ada siapa yang akan menggunakan Usno untuk mengurangkan keyakinan rakyat kepada parti itu.